

# UPM, JDM jalin MoU tingkat keselamatan dan kebersihan makanan

Oleh Basir Zahrom  
basir@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan JohnsonDiversey (M) Sdn Bhd (JDM) bagi menjalankan Latihan Keselamatan Makanan dan Kebersihan Makanan untuk pelajar universiti itu.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Nik Mustapha R Abdullah, berkata kerjasama JDM itu adalah inisiatif bagi menjadikan industri makanan lebih berkualiti.

"JDM yang beroperasi sebagai pembekal utama bahan pencuci dan kebersihan komersial global akan menyediakan sejumlah RM24,000 setahun dalam bentuk biasiswa dan tajaan peralatan berkaitan kawalan kebersihan di UPM.

"Biasiswa terbabit akan diberikan kepada pelajar terbaik yang akan ditentukan UPM," katanya selepas menandatangani MoU berkenaan di Pusat Perkhidmatan Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Rantau Asia JDM, Dr Sam De Boo, Pengarah Urusan JDM Malaysia, Tan Mea Kuang, Timbalan Naib Canselor Perhubungan Industri dan Komuniti UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew serta Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof Dr Jinap Selamat.

Nik Mustapha berkata, kerjasama itu bakal memantapkan peranan UPM sebagai institusi unggul dalam bidang keselamatan makanan yang turut diiktiraf sebagai Pusat Penyelidikan Keselamatan Makanan Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

**“***JDM yang beroperasi sebagai pembekal utama bahan pencuci dan kebersihan komersial global akan menyediakan sejumlah RM24,000 setahun dalam bentuk biasiswa dan tajaan peralatan berkaitan kawalan kebersihan di UPM”*

**Nik Mustapha R Abdullah**  
Naib Canselor UPM



NIK MUSTAPHA (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Tan sambil disaksikan Tai Shzee (kiri) di UPM, baru-baru ini.